

BAB SATU

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pernyataan Masalah

Masyarakat² Orang Asli merupakan penduduk minoriti yang terdapat di negara Malaysia. Mereka dibahagikan kepada tiga kumpulan kaum yang utama iaitu Senoi, Negrito dan Melayu-Proto. Kebanyakan mereka masih mengamalkan kepercayaan nenek moyang namun begitu telah ada di kalangan mereka yang memeluk agama Islam, Bahai dan Kristian.

Secara umumnya, masyarakat Orang Asli di Malaysia telah diperkenalkan mengenai Islam sejak dahulu lagi. Namun begitu, program dakwah kepada masyarakat ini telah mula giat dijalankan sekitar awal 1980-an. Menurut statistik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), seramai 25,164 Orang Asli di seluruh Semenanjung Malaysia telah memeluk agama Islam dari tahun 1993 hingga 2001.¹

Dewasa ini, banyak pertubuhan dakwah sama ada badan kerajaan mahupun bukan kerajaan yang memberi sumbangan kepada pembangunan masyarakat Orang Asli. Pertubuhan seperti Jabatan Agama Islam Negeri, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA), Jabatan Perdana Menteri dan seumpamanya merupakan pertubuhan yang menjadikan masyarakat

Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) merupakan pertubuhan yang menjadikan masyarakat

tersebut telah merancang dan mengadakan pelbagai program bagi memastikan masyarakat Orang Asli tidak ketinggalan dalam pelbagai aspek seperti agama, sosial dan ekonomi. Di samping itu, setiap program yang dirancang adalah bersesuaian dan bertepatan dengan tahap penerimaan golongan sasaran. Sungguhpun banyak masalah dan cabaran perlu dihadapi oleh pertubuhan-pertubuhan ini dalam berdakwah kepada masyarakat Orang Asli, namun mereka menanganinya dengan bijak dan bersungguh-sungguh.

Sehubungan itu, untuk memastikan masyarakat Orang Asli di negeri Pahang tidak terabai dalam pelbagai sudut, maka kerajaan negeri Pahang telah menubuhkan sebuah pusat dakwah iaitu Pembangunan Tamadun Masyarakat Asli Pahang (PETAMA). Pusat ini berperanan untuk melatih, mendidik serta mentarbiah remaja masyarakat Orang Asli ke arah kehidupan muslim sejati. Para peserta akan dilatih berdasarkan modul-modul yang telah disusun khusus untuk mereka.

Namun begitu, tercetus persoalan di minda penulis, adakah PETAMA mempunyai masalah dalam menjalankan program dakwahnya sebagaimana institusi dakwah yang lain? Apakah masalah-masalah yang berlaku di PETAMA dan apakah pula langkah penyelesaian yang diambil bagi menangani permasalahan tersebut?

Justeru itu, dalam kajian ini penulis mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh PETAMA sebagai sebuah institusi dakwah kepada golongan remaja masyarakat Orang Asli yang scumpamanya di negeri Pahang. Aspek yang menjadi

kajian penulis meliputi masalah berkaitan pihak pentadbiran, tenaga pengajar, pelajar, modul, kemudahan fizikal, faktor lokasi dan sebagainya. Selain daripada itu, penulis turut mengkaji langkah-langkah penyelesaian yang telah dilakukan oleh PETAMA dalam menangani setiap masalah.

1.2 Huraian Tajuk

Penulis terlebih dahulu penulis menghuraikan beberapa istilah penting yang menjadi intipati dalam kajian ini bagi memudahkan pemahaman para pembaca. Antara istilah-istilah tersebut ialah:

1.2.1 Program

Perkataan program membawa erti rancangan yang menentukan dasar-dasar yang akan dijalankan (dalam pembangunan negara, perekonomian dan lain-lain).²

1.2.2 Dakwah

Dakwah ialah usaha yang dilakukan oleh seseorang atau kumpulan dengan pendekatan tertentu untuk membawa manusia kepada keredaan Allah.³

1.2.3 PETAMA

PETAMA adalah singkatan daripada Pembangunan Tamadun Masyarakat Asli Pahang. Ia salah satu daripada program pendidikan Yayasan Pahang (YP) yang dikendalikan sepenuhnya oleh AQFA Sdn. Bhd. Pusat ini ditubuhkan untuk

² Teuku Iskandar (2002), *Kamus Dewan*, edisi ketiga, c.7, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h.1057.

³ Ab. Aziz bin Mohd. Zin (1999), *Pengantar Dakwah Islamiah*, c. kedua, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h.2

melatih dan membimbing remaja masyarakat Orang Asli ke arah pendidikan berteraskan Islam.⁴

1.2.4 Masalah

Masalah bermaksud sesuatu yang memerlukan penyelesaian, perkara atau keadaan yang menimbulkan kesukaran (kesulitan).⁵

1.2.5 Penyelesaiannya

Berdasarkan *Kamus Dewan*, penyelesaian berasal daripada kata dasar selesai yang memberi maksud perbuatan menyelesaikan (membersihkan dan lain-lain) sesuatu.⁶ Manakala perkataan –nya bermaksud kata untuk menegaskan atau menguatkan sesuatu maksud.⁷ Oleh itu, dapat dikatakan bahawa perkataan –nya dalam kajian ini merujuk kepada penyelesaian masalah yang terdapat di PETAMA.

Berdasarkan huraian di atas, ia menjelaskan bahawa tajuk kajian ini adalah mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh PETAMA dalam menggerakkan program dakwahnya kepada remaja masyarakat Orang Asli serta langkah penyelesaian yang dilakukan untuk mengatasinya.

⁴ PETAMA (1998), *Risalah Umum PETAMA*, t.h

⁵ Teuku Iskandar, (1996), *Kamus Dewan*, edisi ketiga, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 863

⁶ Teuku Iskandar (1996), *op.cit.* h. 1220

⁷ *Ibid*, h.935

1.3 Objektif Kajian

Penulis melakukan kajian ini berdasarkan objektif-objektif berikut:

- 1) Untuk mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh PETAMA dalam usaha dakwah mereka kepada golongan Orang Asli.
- 2) Untuk mengenalpasti langkah-langkah penyelesaian yang dilakukan oleh PETAMA dalam mengatasi permasalahan yang timbul di pusat dakwah ini.

1.4 Kepentingan Kajian

Penulis membuat penyelidikan ini berdasarkan kepada kepentingan berikut:

- 1) Mendedahkan peranan dan keprihatinan PETAMA dalam usaha menyampaikan dakwah Islam kepada remaja kaum Orang Asli di negeri Pahang.
- 2) Mendedahkan modul program dakwah yang sesuai dengan tahap pemikiran, pendidikan dan gaya hidup golongan sasaran.
- 3) Mencadangkan penyelesaian terbaik untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul dalam menjalankan program dakwah di PETAMA.
- 4) Membuka mata dan minda masyarakat supaya tidak meminggirkan golongan Orang Asli dalam program dakwah.

- 5) Memberi gambaran yang positif kepada masyarakat Orang Asli bahawa mereka tidak dipinggirkan malah kebajikan mereka tidak diabaikan oleh masyarakat Islam.

1.5 Skop Kajian

Dalam kajian ini, penulis telah membataskan skop kajian kepada aspek yang menjadi asas dalam penyelidikan sahaja. Penyelidikan ini hanya menumpukan kepada pihak pentadbiran, pensyarah-pensyarah serta para pelajar PETAMA sesi 2002/03 sahaja. Pihak-pihak berkenaan menjadi tumpuan penulis dalam menjalankan kajian terhadap permasalahan di PETAMA serta langkah-langkah penyelesaian yang telah dilakukan. Penulis berpendapat dengan melibatkan pihak-pihak terbabit, ia telah dapat mewakili pusat dakwah ini secara keseluruhan.

1.6 Metodologi Kajian

1.6.1 Metode Pengumpulan Data

Dalam melakukan sesuatu penyelidikan, metodologi merupakan aspek yang perlu diberi perhatian oleh penulis. Ia merupakan kaedah yang digunakan oleh penulis dalam usaha untuk mencari, mendapat, mengumpul dan memperolehi segala maklumat yang tepat dan betul berkaitan dengan tajuk penyelidikan. Kajian ini merupakan penyelidikan berbentuk perpustakaan dan lapangan. Oleh itu, dalam proses pengumpulan data, penulis menggunakan beberapa jenis metode iaitu:

1) Metode Historis

Metode historis digunakan untuk mendapatkan data yang mempunyai maklumat sejarah.⁸ Penulis menggunakan metode historis untuk mendapatkan maklumat mengenai latar belakang masyarakat Orang Asli secara umum. Selain itu, penulis menggunakan kaedah ini untuk mendapat maklumat berkaitan sejarah beberapa pertubuhan dakwah di negeri Pahang dalam bab dua serta sejarah mengenai PETAMA dalam bab tiga. Untuk mendapatkan maklumat-maklumat tersebut, penulis merujuk penulisan-penulisan berkaitan yang terdiri daripada buku-buku, majalah, keratan akhbar dan sebagainya.

2) Metode Dokumentasi

Metode dokumentasi ialah cara pengumpulan data dengan melakukan kajian terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah kajian. Dokumen ini termasuk sumber-sumber potret, kumpulan undang-undang, autobiografi, surat-surat peribadi, buku-buku catatan harian, memori, surat khabar dan cerita rakyat.⁹ Antara dokumen-dokumen yang dirujuk oleh penulis termasuklah kertas-kertas kerja persidangan, teks ucapan, dokumen berkaitan pihak pentadbiran PETAMA seperti carta organisasi, minit mesyuarat serta laporan dan sebagainya. Data-data tersebut membantu penulis dalam mengenalpasti masalah-masalah di PETAMA serta langkah-langkah penyelesaian yang diterangkan dalam bab empat.

Bagi mendapatkan data-data bagi kedua-dua metode, penulis menggunakan beberapa buah perpustakaan iaitu:

⁸ Imam Bernadid (1982), *Arti Dan Metod Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta : Penerbitan FIP- IKIIP, h.52

⁹ *Ibid*, h.55

- 1) Perpustakaan Utama Universiti Malaya
- 2) Perpustakaan Peringatan Za'aba Universiti Malaya
- 3) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
- 4) Perpustakaan Awam Kuantan, Pahang
- 5) Perpustakaan Awam Pusat Islam
- 6) Buku-buku rujukan penulis dan para sahabat
- 7) Dokumen-dokumen yang terdapat di tempat kajian

3) Metode Temubual

Metode temubual ialah salah satu cara yang digunakan untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara langsung atau pendirian secara lisan daripada seseorang responden dengan cara bercakap secara bersemuka dengannya.¹⁰

Untuk tujuan tersebut, penulis telah mengenalpasti beberapa orang informan yang terdiri daripada pihak pentadbir, pensyarah-pensyarah dan para pelajar PETAMA sesi 2002/03. Penulis menggunakan metode ini dalam bab tiga dan empat iaitu yang berkaitan dengan modul program dakwah di PETAMA, masalah yang dihadapi serta langkah-langkah penyelesaian bagi menangani permasalahan tersebut.

Di kalangan pihak pentadbir, penulis menemubual Pengurus Pentadbiran PETAMA di AQFA iaitu Ustaz Jamaluddin bin Abdul Jabbar. Penulis menemubual beliau berdasarkan kepentingan peranan dan pengalamannya dalam menerajui PETAMA. Selain itu, penulis turut menemubual pengurus serta

¹⁰ Koentjaraningrat (1986), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta : P.T Gramedia, h. 129

pensyarah-pensyarah PETAMA. Temubual dengan pihak tersebut adalah penting bagi mendapatkan maklumat berkaitan PETAMA dalam segala aspek. Bagi mendapatkan maklum balas yang pelbagai, penulis menemubual para pelajar dan responden yang tinggal di sekitar kawasan kajian.

Penulis melakukan sesi temubual dengan dua cara iaitu temubual formal dan temubual tidak formal. Temubual formal dijalankan dengan menetapkan tarikh, tempat, masa serta tempoh tertentu bagi menjalankan temubual tersebut. Penulis akan menyediakan beberapa soalan yang berkaitan sebelum sesi wawancara dimulakan. Penulis menggunakan kaedah ini untuk menemubual pengurus pentadbir PETAMA di AQFA serta pengurus di PETAMA.

Manakala temubual secara tidak formal dijalankan dengan cara menyual dan berbual secara tidak langsung dengan informan yang dipilih. Penulis menggunakan kaedah ini untuk menemubual para pensyarah, pelajar-pelajar PETAMA serta responden yang tinggal berhampiran PETAMA..

4) Metode Observasi

Metode observasi ialah satu cara pengumpulan data dengan mengkaji secara langsung terhadap aspek-aspek subjeknya di mana tujuan penyelidikan yang dilakukan dapat dirahsiakan. Penggunaan metode ini adalah bertujuan untuk mendapatkan data yang saling melengkapi di antara data hasil daripada metode ini dengan data hasil daripada metode-metode yang lain.¹¹

¹¹ J. Supranto (1986), *Kaedah Penyelidikan, Penggunaannya Dalam Pemasaran*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h.67-68

Dalam kaedah ini, penulis membuat pemerhatian serta penelitian terhadap program anjuran PETAMA seperti kuliah, kelas pengajian al-Quran, kultum serta aktiviti kokurikulum. Menerusi kaedah ini penulis berpeluang untuk melihat bentuk pengajaran dan pembelajaran yang dipraktikkan di PETAMA sama ada di dalam atau di luar kelas. Di samping itu penulis membuat tinjauan terhadap lokasi, kemudahan di asrama dan kelas serta prasarana yang disediakan di PETAMA. Berdasarkan ini, penulis berpeluang untuk melihat sendiri situasi sebenar aspek berkaitan permasalahan di PETAMA. Seterusnya penulis membuat kesimpulan berdasarkan pemerhatian yang dibuat. Penulis menggunakan metode ini dalam menjalankan kajian bagi bab tiga dan empat.

1.6.2 Metode Analisis Data

Dalam proses menganalisis data, penulis menggunakan metode-metode berikut:

1) Metode Induktif

Metode induktif merupakan suatu cara menganalisa data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat umum.¹² Penulis menggunakan metode ini untuk mengkaji data-data dan maklumat yang bersifat khusus terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh sesebuah institusi dakwah. Proses penganalisaan hasil kajian ini akan dijadikan kesimpulan terhadap permasalahan yang terdapat di PETAMA.

¹² Imam Bernadib (1982), *op.cit.*, h.52

2) Metode Deduktif

Metode deduktif adalah suatu cara menganalisa data atau melakukan penulisan berdasarkan kepada dalil umum terhadap beberapa hal yang khusus.¹³ Penulis menggunakan metode ini untuk mengkaji data-data dan maklumat yang bersifat umum hasil daripada kajian terhadap masalah dalam sesebuah institusi dakwah. Hasil kajian ini akan dijadikan panduan bagi mengkaji permasalahan di PETAMA.

3) Metode Komparatif

Metode komparatif ialah cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan antara beberapa data yang diperolehi dalam masa penelitian dilakukan. Segala data dan pendapat ahli yang berautoriti dikumpulkan dan dibandingkan kemudian dibuat kesimpulan, generalisasi dan dalil.¹⁴ Penulis menggunakan metode ini untuk membuat perbandingan antara pendapat-pendapat responden berkaitan masalah dan langkah penyelesaian di PETAMA. Penulis membuat kesimpulan melalui perbandingan tersebut.

1.7 Kajian-kajian Lepas

Sepanjang kajian mengenai topik ini, penulis menemui banyak penulisan yang berkaitan dengan masyarakat Orang Asli. Penekanan yang diberikan oleh kebanyakan pengkaji ialah berkaitan dengan sejarah, latar belakang, sosial, budaya, ekonomi, agama, sistem kepercayaan, adat serta pantang larang masyarakat ini. Selain daripada itu, terdapat penulis yang mengkaji secara khusus

¹³ *Ibid.*

¹⁴ Abd. Halim Hj. Mat Diah (1987), *Risalah: Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*, Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h.136

mengenai perkampungan masyarakat orang Asli yang dilihat dari sudut keberkesanan agama, kemajuan ekonomi serta sosial, aspek pembangunan budaya dan sebagainya.

Selain daripada melibatkan masyarakat Orang Asli, penulis turut mengambil kira penulisan yang berkaitan institusi dan program dakwah. Penulis memberi penekanan kepada penulisan mengenai program dakwah dalam konteks masalah yang dihadapi oleh sesebuah institusi terbabit.

Antara penulisan yang dikenalpasti ialah sebuah disertasi yang ditulis oleh Wahidah binti Yusof (1997) yang bertajuk "*Institusi-institusi Dakwah Islamiah Di Malaysia: Satu Kajian Tentang Sumbangan Dan Masalah Dalam Perkembangan Dakwah Masa Kini*".¹⁵ Objektif disertasi ini ialah untuk mengenalpasti sumbangan institusi-institusi dakwah di Malaysia, aktiviti-aktiviti yang dijalankan serta masalah-masalah yang dihadapi. Dapatan kajian telah menjelaskan bahawa setiap institusi dakwah telah memberi sumbangan masing-masing namun belum bersifat menyeluruh kepada segenap lapisan masyarakat. Bentuk aktiviti yang kerap diadakan ialah ceramah, seminar, kursus serta penerbitan buku dan majalah Islamik. Sementara itu, institusi dakwah sering berhadapan dengan masalah seperti kewangan, kurang komitmen dari ahli, cabaran dari anasir luar dan kurang kerjasama antara institusi dakwah.

Manakala Abd Kadir bin Sallah (1997), dalam disertasi bertajuk "*Dakwah Di Kalangan Kakitangan Kerajaan Di Kuala Lumpur: Kajian Khusus Tentang*

¹⁵ Wahidah binti Yusof (1997), "*Institusi-institusi Dakwah Islamiah Di Malaysia: Satu Kajian Tentang Sumbangan Dan Masalah Dalam Perkembangan Dakwah Masa Kini*", (Disertasi, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

Penglibatan Dan Keberkesanannya” telah meninjau kegiatan dakwah di kementerian/ jabatan kerajaan dan penglibatan kakitangan terbabit.¹⁶ Kajian juga tertumpu kepada masalah yang dihadapi serta kesan yang diperolehi hasil daripada usaha dakwah. Dapatan kajian menerangkan bahawa aktiviti dakwah yang dijalankan mendapat sokongan daripada kakitangan peringkat bawahan dan pertengahan namun bagi peringkat atasan adalah sebaliknya. Antara masalah yang dikenalpasti ialah kesibukan dengan tugas harian, kurang berminat, ketidaksesuaian waktu program dan kelemahan pentadbiran. Sungguhpun demikian, kesan positif yang dapat dilihat hasil aktiviti dakwah yang diadakan ialah melahirkan individu yang patuh dan taat kepada perintah Allah, berakhlak mulia sesama rakan sekerja, meningkatkan prestasi kerja dan dapat mengurangkan perkara-perkara negatif seperti rasuah, penyelewengan dan penipuan.

Penulisan seterusnya ialah disertasi daripada Mohamad Nazli bin Omar (2003), yang bertajuk *“Pengurusan Institusi Dakwah di Negeri Sembilan: Kajian Di Pusat Dakwah Islamiah, Paroi”*.¹⁷ Fokus kajian ini ialah mengenai masalah-masalah dalam amalan pengurusan, pengurusan sumber manusia dan pengurusan program melibatkan pejabat agama berkenaan. Pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik kepada kakitangan serta peserta bagi melihat penilaian individu terlibat. Hasil kajian menunjukkan bahawa memang terdapat masalah pada setiap komponen tersebut, cuma ia berbeza dari segi perangkaan yang diperolehi. Amalan pengurusan tidak menampakkan perangkaan yang menjurus

¹⁶ Abd Kadir bin Sallah (1997), *“Dakwah Di Kalangan Kakitangan Kerajaan Di Kuala Lumpur: Kajian Khusus Tentang Penglibatan Dan Keberkesanannya”*, (Disertasi, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

¹⁷ Mohamad Nazli bin Omar (2003), *“Pengurusan Institusi Dakwah Di Negeri Sembilan: Kajian Di Pusat Dakwah Islamiah, Paroi”*, (Disertasi, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

kepada timbulnya masalah secara serius. Namun, dalam pengurusan sumber manusia dan pengurusan program dakwah, hasil yang diperolehi menunjukkan wujudnya masalah besar yang memerlukan kepada perhatian dan tindakan pihak atasan.

Selain itu, penulis telah mengenalpasti dua latihan ilmiah yang berkaitan dengan lokasi kajian. Tajuk penulisan tersebut ialah "*Pengamalan Islam Di Kalangan Remaja Orang Asli Di PETAMA*" (2002/03) yang ditulis oleh Zaleha binti Mohamad.¹⁸ Beliau mengkaji mengenai pengamalan Islam yang sebenar di kalangan peserta PETAMA selain daripada memberi pendedahan kepada masyarakat lain untuk sama-sama membantu masyarakat Orang Asli dalam bidang agama. Beliau telah melakukan kajian terhadap tahap pengamalan pelajar dalam tiga aspek penting iaitu akidah, syariah dan akhlak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kefahaman Islam dan pelaksanaan amalan Islam di kalangan remaja Orang Asli PETAMA adalah pada peringkat yang membanggakan. Manakala penerapan ajaran Islam kepada remaja Orang Asli di pusat ini perlu dilakukan secara bersungguh-sungguh bagi memantapkan lagi penghayatan serta pengamalan mereka terhadap ajaran Islam.

Manakala satu lagi penulisan berbentuk latihan ilmiah mengenai lokasi kajian yang ditulis oleh Intan Sarina binti Mohd Jalil yang bertajuk "*PETAMA: Kajian Tentang Metode Dalam Melahirkan Pendakwah Di Kalangan Orang Asli*"

¹⁸ Zaleha binti Mohamad (2002/03), *Pengamalan Islam Di Kalangan Remaja Orang Asli Di PETAMA*, (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

(2001/02).¹⁹ Dalam penulisan ini beliau mengkaji mengenai metode yang dipraktikkan oleh PETAMA kepada peserta dalam peringkat persediaan, lanjutan dan setelah bergelar pembantu penggerak. Hasil kajian menunjukkan bahawa metode yang dipraktikkan dalam peringkat persediaan ialah menaikkan semangat, menjinakkan, mudah, penjelasan yang nyata dan terang, berperingkat-peringkat, psikologi dan penyooalan. Manakala metode yang dipraktikkan pada peringkat lanjutan ialah latihan dan praktikal, penekanan dan pemantapan, perbincangan serta pendedahan. Sementara itu metode yang dipraktikkan pada peringkat pembantu penggerak ialah tindakan susulan, pemantapan, perbincangan dan penyelesaian masalah serta pemberian elaun.

Sehingga kini masih belum ada lagi penulisan mengenai PETAMA yang mengenalpasti tentang permasalahan yang dihadapi. Justeru itu, penulis mengambil inisiatif untuk mengkaji mengenai masalah yang dihadapi oleh PETAMA dalam menjalankan program dakwah kepada remaja masyarakat Orang Asli. Seterusnya penulis turut mengenalpasti langkah-langkah penyelesaian yang dilakukan bagi mengatasi setiap masalah yang dihadapi itu. Diharapkan melalui kajian ini, ia dapat memberi manfaat kepada pengurusan PETAMA dalam memantapkan lagi kedudukan serta peranannya.

¹⁹ Intan Sarina binti Abd Jalil (2001/02), "PETAMA: Kajian Tentang Metode Dalam Melahirkan Pendakwah Di Kalangan Orang Asli", (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

1.8 Sistematika Penulisan

Paparan penulis dalam bab satu ialah mengenai latar belakang masalah kajian, huraian istilah, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, metodologi kajian serta paparan terhadap kajian-kajian lepas.

Dalam bab dua, penulis membincangkan mengenai latar belakang masyarakat Orang Asli dari aspek pengertian, pembahagian kumpulan, kegiatan ekonomi, agama dan kepercayaan serta adat dan pantang larang secara umum. Penulis turut memaparkan mengenai program dakwah kepada masyarakat Orang Asli yang dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan dakwah tertentu di negeri Pahang. Seterusnya penulis menerangkan mengenai matlamat dan masalah program dakwah pertubuhan tersebut berkaitan dakwah kepada masyarakat ini.

Dalam bab tiga, penulis memperkenalkan PETAMA dari aspek latar belakang, matlamat penubuhan, pentadbiran organisasi, tenaga pengajar, pelajar serta prasarana yang disediakan. Kajian turut mengenalpasti program-program dakwah yang dijalankan di PETAMA. Penulis membincangkan secara ringkas mengenai objektif serta modul program yang terdapat di PETAMA.

Seterusnya, di dalam bab empat yang merupakan fokus utama kajian, penulis memberi tumpuan secara mendalam terhadap permasalahan yang dialami oleh institusi ini yang dibahagikan kepada masalah dalaman dan masalah luaran. Penulis turut membincangkan mengenai langkah-langkah penyelesaian bagi setiap masalah yang dihadapi pada akhir bab ini.

Akhir sekali dalam bab lima, penulis membuat kesimpulan terhadap kajian yang telah dilakukan beserta beberapa saranan kepada pihak-pihak tertentu yang berkaitan PETAMA.

;

10/10/2023